

UMS Happy Soil meterai perjanjian urus sisa pepejal

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) semalam menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan sebuah syarikat penyelidikan teknologi, Happy Soil Sdn Bhd, bagi mengadakan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan teknologi pengurusan sisa pepejal.

Majlis menandatangani itu diadakan di Bangunan Canselori dengan UMS diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampong, manakala Happy Soil diwakili Pengerusinya, Dr Handry K F Chok.

Kerjasama dalam bidang penyelidikan pengurusan sisa pepejal khususnya dalam sisa pepejal makanan

ini akan dikendalikan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat dan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS.

Dalam MOU itu juga Happy Soil akan memajukan bidang penyelidikan sekali gus mengadakan usaha untuk memasarkan produk yang akan dihasilkan daripada kerjasama ini.

MOU antara UMS dan Happy Soil itu merangkumi dua aspek utama iaitu pada peringkat pertama memabatkan pembangunan dan pembaikan peralatan kilang Happy Soil.

Pada peringkat ini, semua sisa basah termasuklah sisa dari pasar seperti ikan, daging, sayur-sayuran dan kulit buah-buahan diproses menjadi bahan khasiat untuk tanah.

Sementara itu, pada peringkat kedua, mengadakan kajian bagi menghasilkan mikrob tempatan yang telah sedia ada agar mampu menghilangkan dan mengawal bau busuk yang terhasil daripada sisa makanan bercampur, seterusnya dihasilkan menjadi bahan alternatif.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Abu Hassan Othman dalam ucapannya yang disampaikan Kamaruzaman, berkata pihak UMS sentiasa berusaha mewujudkan kampus UMS sebagai kawasan buangan sifar.

"Justeru, saya berharap menerusi kerjasama itu hasrat UMS akan tercapai dan MOU itu juga sebagai langkah pertama mencapai matla-

mat itu. Kami berharap kerjasama ini menjadi contoh kepada organisasi lain agar turut sama dalam usaha memastikan masalah pembuangan sisa pepejal dapat ditangani.

"Saya juga berharap mereka yang terlibat dalam projek ini akan terus memberikan komitmen dan berusaha agar program ini berjalan lancar dan objektif mewujudkan kampus UMS buangan sifar akan tercapai," katanya.

Beliau berkata masalah memabatkan pembuangan sisa pepejal adalah satu masalah dihadapi semua masyarakat, termasuk pihak berkuasa tempatan dan kerajaan sejak bertahun lalu.

"Dengan perkembangan maju di kampung, daerah dan bandar menyebabkan jumlah pembuangan sisa pepejal semakin meningkat sama ada dari kawasan perumahan, hotel dan restoran.

"Malah, kerajaan tempatan yang bertanggungjawab dalam menangani masalah itu sudah membelanjakan hampir berjuta ringgit bagi menyediakan kemudahan infrastruktur untuk menangani situasi itu," katanya.

Sementara itu, Hendry berharap dengan kerjasama dengan UMS ini, hasrat Happy Soil untuk memperkenalkan teknologi ini akan dapat memenuhi keperluan komuniti di negara ini.